



**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I  
SESI 2021/2022**

NAMA KURSUS	:	FALSAFAH PENDIDIKAN
KOD KURSUS	:	BBD 10102
KOD PROGRAM	:	BBA/BBB/BBC/BBD/BBE/BBF/BBG
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JANUARI / FEBRUARI 2022
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	1. JAWAB SEMUA SOALAN 2. PEPERIKSAAN AKHIR INI ADALAH PENTAKSIRAN SECARA <b>DALAM TALIAN</b> DAN DILAKSANAKAN SECARA <b>TUTUP BUKU</b>

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **SEMBILAN (9)** MUKA SURAT

**TERBUKA**

SULIT

**BAHAGIAN A (20 MARKAH)**

- S1 Dari manakah asal perkataan "falsafah"?
- A. Melayu
  - B. Rom
  - C. Yunani
  - D. China
- S2 Falsafah berasal dari perkataan "philo" dan "sofia" yang bermaksud
- A. sayangkan ilmu
  - B. cintakan hikmah
  - C. sayangkan pendidikan
  - D. cintakan nur hikmah
- S3 Falsafah dalam pendidikan merupakan
- A. ilmu di dalam kehidupan setiap insan
  - B. ilmu logik di sebalik sistem pendidikan
  - C. logik sesebuah ilmu pengetahuan terhadap gaya hidup
  - D. ilmu yang diaplikasi melalui satu proses berfikir yang mendalam
- S4 Apakah cabang falsafah yang mendasari Falsafah Pendidikan Malaysia?
- A. Metafizik, logik, epistemologi dan aksiologi
  - B. Logik, metafizik, aksiologi dan perilogi
  - C. Metafizik, aksiologi dan logik
  - D. Metafizik, epistemologi dan aksiologi
- S5 Mengapakah cabang falsafah penting untuk difahami?
- A. Dapat membantu pelajar-pelajar yang tidak berkemampuan dari luar bandar
  - B. Dapat menjadikan PLTV sebagai nilai tambah kepada pelajar
  - C. Dapat membangunkan pengetahuan asas, pengetahuan teknikal dan kemahiran kerja praktikal pelajar
  - D. Dapat menggantikan pengajian akademik yang ditawarkan di sekolah harian
- S6 Cabang falsafah manakah yang mengkaji realiti menjangkau penyiasatan saintifik?
- A. Logik
  - B. Metafizik
  - C. Aksiologi
  - D. Epistemologi

- S7 Manakah antara berikut merupakan implikasi metafizik kepada pendidikan?
- A. Metafizik menerima konsep manusia sebagai jasad
  - B. Metafizik menerima konsep manusia sebagai roh
  - C. Metafizik menerima manusia sebagai organisme kerohanian
  - D. Metafizik menerima manusia sebagai organisme hak dan kebatilan
- S8 Cabang falsafah aksiologi merupakan aliran yang mengkaji
- A. wahyu kejadian alam dan pengalaman
  - B. realiti sesuatu perkara yang berlaku
  - C. kaedah melakukan sesuatu perkara dengan betul
  - D. etika dan estetika dalam sesuatu perkara yang berlaku
- S9 Cabang falsafah epistemologi merupakan aliran yang mengkaji
- A. logik sesebuah perkara yang berlaku dalam kehidupan
  - B. bagaimana membuktikan apa yang diketahui oleh manusia
  - C. peranan alat bantuan mengajar pendidik di dalam kelas
  - D. kaedah mengaplikasi falsafah dalam kehidupan alam selepas mati
- S10 Aliran falsafah tradisional terdiri daripada
- A. aliran realisme dan idealisme
  - B. aliran eksistensialisme dan pragmatisme
  - C. aliran pragmatisme dan idealisme
  - D. aliran pragmatisme dan realisme
- S11 Aliran falsafah moden terdiri daripada
- A. aliran realisme dan idealisme
  - B. aliran pragmatisme dan eksistensialisme
  - C. aliran perennialisme dan tradisionalisme
  - D. aliran perennialisme dan essentialisme
- S12 Berikut merupakan ciri-ciri falsafah idealisme kecuali
- A. falsafah ini dikesan di India Timur
  - B. jiwa manusia adalah penting sekali dalam kehidupan dan alam jagat ini
  - C. asas kewujudan ialah dalam bentuk kerohanian dan bukan berbentuk fizikal
  - D. pendidikan melalui demonstrasi supaya pelajar dapat mengikuti arahan



- S13** Apakah pendapat guru yang berpegang kepada falsafah realisme?
- A. semua pengajaran perlu disokong dengan akal dan logik fikiran
  - B. pengajaran haruslah berpandukan pengajaran ahli falsafah terdahulu
  - C. pengajaran merupakan pemindahan ilmu yang tidak boleh dipertikaikan
  - D. semua pengajaran memerlukan nilai dan etika yang jelas sewaktu pembelajaran
- S14** Cikgu Nurul Hidayah merupakan seorang guru yang memegang falsafah eksistensialisme. Dalam konteks falsafah, apakah pegangan beliau?
- A. Pelajar harus pandai berbuat semua perkara
  - B. Pelajar perlu fokus kepada kebolehan individu
  - C. Pelajar tidak boleh dipaksa membuat apa yang mereka tidak mahu
  - D. Pelajar haruslah dibimbing untuk mempelajari kemahiran dalam hidup
- S15** Menagapakah perbezaan aliran falsafah dalam pendidikan penting?
- A. Meraikan perbezaan pendapat pelopor falsafah
  - B. Memahami limitasi manusia dalam pembelajaran
  - C. Mencari kaedah terbaik bagi mengaplikasi pendidikan
  - D. Mencari kebaikan aliran untuk menentukan kaedah pengajaran
- S16** Antara berikut, manakah merupakan cabang falsafah moden eksistensialisme?
- A. Behaviourisme dan kapitalisme
  - B. Individualisme dan behaviourisme
  - C. Individualisme dan pengalaman
  - D. Pengalaman dan kapitalisme
- S17** Antara berikut, manakah bukan merupakan prinsip dasar fahaman eksistensialisme?
- A. Pendidikan tidak harus sama untuk setiap manusia
  - B. Kelebihan individu berbeza dan merupakan ciri utama manusia
  - C. Pendidikan perlu menonjolkan personaliti pelajar kepada kekuatan mereka
  - D. Pendidikan harus diperkenalkan berasaskan kebijaksanaan karya-karya agung
- S18** Berikut merupakan tujuan pendidikan mengikut fahaman pragmatisme kecuali
- A. mendidik manusia dalam perkembangan umum pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam bentuk yang sistematik
  - B. menyusun semula masyarakat untuk meneliti krisis sosial, ekonomi dan kebudayaan
  - C. pendidikan yang merujuk kepada cara pemikiran golongan karya agung, cerita rakyat, dan kisah legenda



- D. pendidikan tidak boleh disekat tetapi hendaklah menjadi asas kepada pemikiran pelajar
- S19 Antara berikut, manakah merupakan aspek Falsafah Pendidikan Islam?
- A. *Tarbiyyah, ta'dib dan taksum*
  - B. *Ta'lim, ta'dib dan tarbiyyah*
  - C. *Tarbiyyah, taksum dan ta'dib*
  - D. *Tarbiyyah, ta'lim dan talaqi*
- S20 Fokus utama ta'lim dalam falsafah pendidikan Islam menitikberatkan proses perkembangan
- A. akal
  - B. spritual
  - C. emosi
  - D. rohani
- S21 Antara berikut, manakah merupakan matlamat utama falsafah pendidikan?
- A. Melahirkan khalifah yang *kamil*
  - B. Melahirkan insan berjaya dunia dan akhirat
  - C. Melahirkan pemimpin yang mampu memimpin negara
  - D. Melahirkan manusia yang memahami tujuan hidup di dunia
- S22 Dalam Falsafah Pendidikan Islam, seorang guru harus mempunyai ciri berikut, iaitu
- A. daie, rais dan nasih
  - B. daie, nasih dan rafi
  - C. rais, nasih dan rafi
  - D. nasih, rafi dan rais
- S23 Antara berikut, manakah merupakan kaedah pengajaran formal untuk kaum Melayu sebelum kedatangan British?
- A. Madrasah
  - B. Perantisan
  - C. Panglipur Lara
  - D. Pendidikan Istana
- 24 Sistem pendidikan semasa penjajahan British dibahagikan kepada empat (4) peringkat pecah dan perintah. Apakah kesan utama dasar ini kepada rakyat Malaysia sekarang?
- A. Sikap pembahagian sistem pendidikan berbeza
  - B. Dasar pembelajaran yang berpecah-belah

**SULIT**

BBD 10102

- C. Sikap perkauman dalam kalangan masyarakat  
D. Sikap bersaing antara kaum Melayu, India dan Cina
- S25** Apakah matlamat utama di sebalik penubuhan Jawatankuasa Kabinet (1979)?
- A. membuat penstrukturan baru sistem pendidikan  
B. meneliti semula struktur pendidikan di Malaysia  
C. menubuhkan sistem pendidikan Malaysia yang baru  
D. meneliti bagi mengekalkan sistem pendidikan sedia ada
- S26** KBSR (1982) dan KBSM (1988) terbentuk hasil daripada Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979). Kedua kurikulum ini dikatakan bersepadu kerana
- A. mengambil kira jadual waktu belajar yang lebih fleksibel  
B. mengambil kira sistem pendidikan yang tidak lagi berfokuskan perbezaan  
C. memberi penekanan kepada pendidikan jasmani, emosi, rohani dan intelek  
D. memberi penekanan kepada pendidikan asas dan pengembangan potensi individu
- S27** British membawa masuk pendidikan mereka ke Tanah Melayu kerana
- A. ingin menjajah Tanah Melayu melalui pendidikan  
B. ingin meluaskan pemikiran rakyat di Tanah Melayu  
C. sekolah Melayu hanya fokus mendidik pelajar menjadi guru agama  
D. sekolah Inggeris lebih berkualiti dalam memberikan pendidikan
- S28** Antara berikut, siapakan golongan yang menjadi pengasas Sekolah Inggeris di Tanah Melayu?
- A. Persatuan Kristian  
B. Persatuan Mubaligh  
C. Persatuan Kebangsaan Rakyat Cina Tanah Melayu  
D. Persatuan Kebangsaan Bangsa Cina seMalaysia
- S29** Antara berikut, manakah tidak termasuk di dalam elemen Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)?
- A. Usaha berterusan dalam mendidik manusia  
B. Hanya manusia yang seimbang mampu memberi manfaat kepada masyarakat  
C. Usaha mendidik secara berterusan mesti berpandukan panduan ketuhanan  
D. Manusia yang seimbang sosial mesti stabil dalam jasmani, rohani, emosi, dan intelek

- S30** Apakah fakta yang benar tentang pembentukan Falsafah Pendidikan Negara?
- A. Usul yang dibentangkan hasil daripada Laporan Razak
  - B. Idea daripada Tun Dr Mahathir selaku Perdana Menteri pada tahun 1988
  - C. Usul yang diberikan oleh Tun Dr Mahathir selaku Menteri Pendidikan pada tahun 1979
  - D. Idea dari Menteri Pendidikan Malaysia yang pertama setelah merdeka pada tahun 1968
- S31** Falsafah Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (PLTV) bertujuan untuk
- A. menetapkan hala tuju PLTV
  - B. menetapkan pendidikan abad ke-21
  - C. menetapkan hala tuju kelas pelajar terpinggir akademik
  - D. menetapkan haluan Laporan Razak dan Rahman Talib
- S32** Apakah kategori yang tidak berada dalam tiga kategori falsafah Pendidikan Latihan dan Vokasional (PLTV) pada abad ke-21?
- A. Klasik/ Vokasional
  - B. Progresif/ Liberal
  - C. Rekonstruktivis / Rekonstruk-Sosial
  - D. Pragmatisme/ Kemahiran
- S33** Apakah tiga faktor pembentukan Falsafah Pendidikan Negara?
- A. Individu, sosial dan politik
  - B. Individu, sosial dan penjajah
  - C. Individu, politik dan penjajah
  - D. Individu, masyarakat, dan negara
- S34** Apakah peranan utama Falsafah Pendidikan Kebangsaan?
- A. Sebagai panduan tidak dijah pendidikan luar
  - B. Sebagai nilai murni perkembangan ilmu Sains dan Matematik
  - C. Sebagai cahaya menyuluh jasmani, emosi, rohani dan intelek manusia
  - D. Sebagai dasar dan hala tuju pendidikan negara mengikut citra budaya Malaysia
- S35** Falsafah Pendidikan Kebangsaan memberi kesan besar kepada pembentukan tiga elemen. Apakah elemen yang dimaksudkan?
- A. Pembentukan kurikulum, pendidik, dan negara
  - B. Pembentukan kurikulum, pendidik dan institusi
  - C. Kementerian, pembentukan kurikulum dan rakyat
  - D. Pembentukan kurikulum, kementerian dan negara

- S36** Wawasan Pendidikan Global 2030 menegaskan idea berkenaan pendidikan harus
- A. menjalankan rentetan daripada Wawasan 2020
  - B. berteraskan kemahiran dan teknologi yang tinggi
  - C. memberi semua lapisan rakyat peluang menuntut ilmu
  - D. berlandaskan ciri masyarakat B40, M40 dan T20
- S37** Prinsip utama pendidikan di dalam mengikut Maqasid Syariah ialah
- A. Pendidikan merupakan penyahjajahan intelek
  - B. pendidikan merupakan konsep Islam moden
  - C. pendidikan merupakan konsep Islam *syumul kamil*
  - D. Pendidikan merupakan konsep Islam yang merujuk kisah para nabi
- S38** Berapakah teras transformasi yang diketengahkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025?
- A. Empat
  - B. Tiga
  - C. Sebelas
  - D. Sembilan
- S39** Asas kemahiran Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) ialah
- A. Kemahiran menggegag dan melarik
  - B. Kemahiran mengimpal dan memotong besi
  - C. Kemahiran numerasi dan literasi pada abad ke-21
  - D. Kemahiran menukang dan melepai menggunakan teknologi tinggi
- S40** Bagaimanakah governan Pendidikan Latihan dan Vokasional (PLTV) di dalam negara dilaksanakan?
- A. Melalui NOSS dan SLDN
  - B. Melalui KBSR dan KBSM
  - C. Melalui KPM dan BPTV
  - D. Melalui JPK dan BPTV



**SULIT**  
**BAHAGIAN B**

BBD 10102

**S41** Salah satu ciri mengetengahkan citra budaya bangsa Malaysia ialah apresiasi rakyat Malaysia kepada karya asli seperti seniman agung Tan Sri P. Ramlee. Huraikan empat (4) sebab sesuatu karya bercirikan identiti bangsa perlu dihargai oleh generasi kini. Huraian anda mestilah dikaitkan dengan intipati Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

(10 markah)

**S42** Falsafah Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (PLTV) mengikut deklarasi di Seoul, Korea Selatan (2004), Bonn, Germany (2004) dan Shanghai, China (2009) menyatakan bahawa falsafah PLTV abad ke-21 harus berfokus kepada tiga perkara iaitu *Contribute, Lead, and Aspire*. Sebagai seorang bakal pendidik, huraikan dengan terperinci dua (2) cara anda boleh memberi sumbangan berdasarkan Falsafah PLTV abad ke-21 ini.

(10 markah)

**-SOALAN TAMAT-**